

BAHAGIAN B [20 Markah]

Arahan : Jawab semua soalan di ruang jawapan yang disediakan.

1. (a) Lengkapkan setiap berikut dengan perkataan MOD, MIN atau MEDIAN

[2 Markah]

Nilai atau data yang berada di tengah-tengah suatu susunan data secara menaik atau menurun.	
Digunakan untuk mewakili data yang digunakan ialah data kategori seperti hobi, bilangan anak atau saiz kasut	

- (b) Data menunjukkan jumlah jaringan yang berjaya dihasilkan bagi 20 pasukan dalam satu pertandingan bola baling.

27	19	27	25	38	15	19	21	19	20
32	15	34	20	26	27	31	28	31	27

Berdasarkan data di atas, suaiakan yang berikut.

[2 Markah]

MIN		MEDIAN	
●		●	
●	●	●	●
26.5	25.05	27.0	

2. (a) Gariskan jawapan yang betul bagi setiap pernyataan di bawah.

- (i) MOD / MIN / MEDIAN bagi suatu set data ialah nilai yang diperoleh apabila jumlah nilai data dibahagikan dengan bilangan data.
- (ii) JULAT / NILAI EKSTREM ialah nilai yang terlalu besar atau terlalu kecil dalam suatu set data iaitu nilai yang terlalu jauh daripada nilai-nilai data yang lain dalam setnya.

[2 markah]

- (b) Data menunjukkan wang simpanan bagi enam orang pelajar kelas 2 Cerdik.

RM302	RM262	RM315	RM116	RM312	RM294
-------	-------	-------	-------	-------	-------

Tentukan sama ada setiap yang berikut benar atau palsu.

- (i) Nilai ekstrem bagi data ialah RM315 =
- (ii) Julat data ialah RM199 =

[2 markah]

3. (a) Data menunjukkan ketepatan bidikan bagi sekumpulan 30 orang peserta memanah.


5	8	7	7	9	8	7	8	8	8
6	7	8	7	6	8	10	8	9	9
8	7	5	8	8	7	8	7	10	8

Berdasarkan data di atas, nyatakan sama ada setiap yang berikut benar atau palsu.

- (i) Mod data bagi bidikan ialah 7 =
- (ii) Median bidikan ialah 8 =

[2 markah]

- (b) Carta Pai menunjukkan bilangan responden berkaitan jenama telefon pilihan.



Tanda [✓] untuk pilihan jawapan yang betul.

- (i) Jenama paling digemari.

- [] Oppo
[] Huawei

- (ii) Peratus terhampir, responden memilih jenama Oppo berbanding jenama Nokia.

[] 19

[] 70

[2 Markah]

4. Suaikan dengan betul.

Julat

Nilai yang mempunyai kekerapan tertinggi bagi suatu set data.

Median

Nilai yang diperoleh apabila jumlah nilai data dibahagi dengan bilangan data.

Mod

Nilai yang terletak di tengah-tengah susunan suatu set nombor yang disusun secara tertib.

Min

Perbezaan nilai antara data terbesar dan terkecil

[4 Markah]

5. Berdasarkan setiap data di bawah, nyatakan mod dan median.

[4 Markah]

(a)

Umur (Tahun)	Kekerapan
30 – 39	3
40 – 49	7
50 – 59	5
60 – 69	4
70 – 79	3
Mod :	
Median :	

(b)

Jarak (km)	Kekerapan
100 – 109	3
110 – 119	5
120 – 129	6
130 – 139	7
140 – 149	4
Mod :	
Median :	